

AMALAN KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL (KPP)  
BAGI TIGA KATEGORI PRESTASISEKOLAH RENDAH

MUSIMARTIN BIN SIMON

Laporan Projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan dan Pentadbiran)

Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

JANUARI 2014

## DEDIKASI

*Khas buat isteri tercinta Zanariah Mohamad Zin,  
Yang memberi sepenuh sokongan dan peniup semangat  
Pengorbananmu sepanjang pengajian ini  
Takkan dilupakan dan amat besar ertinya*

*Buat ibu dan bapa tersayang,  
Terima kasih atas sokongan dan doa kalian*

*Buat puteraku , Muhammad Zaim Mirza  
Berusahalah mengejar ilmu  
Agar berjaya di dunia dan akhirat*

*Tidak lupa juga buat teman seperjuangan, terima kasih  
atas sokongan dan pengorbanan kalian selama ini.  
Sudah pastinya kejayaan ini milik kita bersama.*

*ALHAMDULILLAH....AMIN*

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, akhirnya dapat jua saya menyempurnakan kajian ini sebagai memenuhi syarat penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan dan Pentadbiran)

Penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada Dr. Lokman bin Mohd Tahir, di atas segala bimbingan, tunjuk ajar, teguran dan nasihat sepanjang penulisan kajian ini. Hanya Allah S.W.T sahaja yang mampu membalasnya.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan kepada semua pensyarah yang telah banyak memberikan ilmu dan panduan di sepanjang pengajian saya. Tanpa kemurahan hati tuan dan puan semua, mungkin sukar bagi saya untuk sampai ke tahap ini.

Terima kasih juga saya tujukan kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Johor, Pejabat Pelajaran Daerah Pasir Gudang, sekolah-sekolah dan guru-guru yang terlibat dalam memberikan kerjasama bagi menjayakan kajian ini.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada isteri tercinta, keluarga, rakan-rakan seperjuangan dan semua pihak terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu saya menyempurnakan kajian ini.

Sekian, terima kasih.

## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti amalan Komuniti Pembelajaran Profesional dalam kalangan guru bagitiga kategori prestasi sekolah rendah daerah Pasir Gudang dan hubungannya dengan efikasi sendiri. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Soal selidik terdiri daripada 76 item di mana ianya dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama terdiri daripada profil responden yang mengandungi lima soalan. Bahagian kedua adalah pernyataan berkaitan Komuniti Pembelajaran Profesional yang mengandungi 59 item dengan menggunakan instrumen yang telah diubahsuai oleh Zuraidah (2009) daripada soal selidik *Professional Learning Community Assessment (PLCA)*. Bahagian ketiga terdiri daripada 12 soalan berkaitan dengan efikasi sendiri guru yang menggunakan instrumen *Teacher Sense of Efficacy Scale (TSES)* yang dibina oleh Tschannen-Moran dan Woolfolk-Hoy (2001). Seramai 180 orang guru telah terlibat menjadi responden. Analisis skor min menunjukkan semua amalan Komuniti Pembelajaran Profesional di setiap sekolah berada pada tahap yang tinggi, manakala tahap efikasi sendiri guru berada pada tahap sederhana. Ujian ANOVA sehala dilakukan bagi melihat perbezaan amalan Komuniti Pembelajaran Profesional bagi setiap tahap prestasi sekolah yang dikaji dan hasilnya menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam amalan ini. Analisis korelasi Pearson pula menunjukkan amalan Komuniti Pembelajaran Profesional mempunyai hubungan yang signifikan dengan efikasi sendiri guru. Analisis regresi mudah menunjukkan dimensi sokongan persekitaran adalah paling dominan terhadap efikasi sendiri guru. Ini menunjukkan sokongan sama ada berbentuk hubungan atau struktur sekolah memainkan peranan penting dalam meningkatkan efikasi sendiri guru seterusnya memberi impak kepada pencapaian sekolah.

## ABSTRACT

This study was conducted to identify teachers' Professional Learning Community practices at three categories of primary school performance in the district of Pasir Gudang and its relationship with their self-efficacy. This survey design study used questionnaire which consist of 76 items which divided into three parts. The first part consists of the teachers' profile containing five items. The second part is measuring the Professional Learning Community which contains 59 items of modified Professional Learning Community Assessment (PLCA) by Zuraidah (2009). The third part consists of 12 items related to self-efficacy adopted from Teacher Sense of Efficacy Scale (TSES) by Tschannen - Moran and Woolfolk - Hoy (2001). A total of 180 teachers were involved as respondents. Analysis of the mean scores showed all Professional Learning Community practices in each school was at a high level, while the level of teacher self-efficacy was measured at a moderate level. The One-way ANOVA showed no significant difference in Professional Learning Community practices between schools based on their schools performance. Pearson correlation analysis also showed Professional Learning Community practices does have a significant relationship with teachers' self-efficacy. Regression analysis showed dimension of environment support was dominant toward teacher's self-efficacy. This shows that the relationship and structure support of the school play an important role in improving teachers' self-efficacy, in turn have an impact on school performance.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>JUDUL</b>	<b>i</b>
	<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xvi</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xvii</b>
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Penyataan Masalah	7
	1.4 Objektif Kajian	8
	1.5 Persoalan Kajian	9
	1.6 Hipotesis Kajian	9
	1.7 Kepentingan Kajian	10
	1.8 Batasan Kajian	11
	1.9 Definisi Terminologi	11
	1.9.1 Komuniti Pembelajaran Profesional	12
	1.9.2 Sekolah Rendah	12
	1.9.3 Efikasi Kendiri Guru	12

1.10	Kerangka Teori Kajian	13
1.10.1	Kerangka Konseptual Kajian	14
1.11	Kesimpulan	15

## **2 SOROTAN KAJIAN**

2.1	Pengenalan	16
2.2	Dimensi Komuniti Pembelajaran Profesional	18
2.2.1	Kepimpinan Berkongsi dan Menyokong	19
2.2.2	Perkongsian Nilai, Matlamat, Visi dan Misi	21
2.2.3	Pembelajaran Kolektif dan Pengaplikasian	22
2.2.4	Perkongsian Amalan Personal	23
2.2.5	Sokongan Persekitaran	25
2.3	Efikasi Kendiri Guru	25
2.4	Model Efikasi Kendiri Guru	27
2.5	Kajian Lepas Berkaitan Komuniti Pembelajaran Profesional	31
2.5.1	Kajian Dalam Negara	31
2.5.2	Kajian Luar Negara	34
2.6	Kesimpulan	37

## **3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	38
3.2	Reka Bentuk Kajian	38
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	39
3.4	Instrumen Kajian	41
3.4.1	Bahagian A: Latar Belakang Guru	41
3.4.2	Bahagian B: Amalan KPP	41
3.4.3	Bahagian C: Efikasi Kendiri Guru	43
3.5	Prosedur Kajian	44

3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	44
3.7	Penganalisaan Data	46
3.8	Kesimpulan	50

## 4 ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	51
4.2	Analisis Bahagian A: Maklumat Responden	52
4.2.1	Taburan Berdasarkan Jantina	52
4.2.2	Taburan Berdasarkan Kelulusan Akademik	53
4.2.3	Taburan Berdasarkan Pengalaman Mengajar	53
4.2.4	Taburan Berdasarkan Pengetahuan KPP	54
4.2.5	Taburan Berdasarkan Sumber Pengetahuan KPP	55
4.3	Analisis Deskriptif	56
4.3.1	Analisis Bahagian B: Tahap Amalan KPP	56
4.3.1.1	Dimensi Kepimpinan Berkongsi Dan Menyokong	58
4.3.1.2	Dimensi Perkongsian Nilai, Matlamat, Misi dan Visi	62
4.3.1.3	Dimensi Pembelajaran Kolektif dan Pengaplikasian	66
4.3.1.4	Dimensi Perkongsian Amalan Personal	70
4.3.1.5	Dimensi Sokongan Persekitaran	75
4.3.2	Analisis Bahagian C: Efikasi Kendiri Guru	82
4.4	Analisis Inferensi	89
4.4.1	Perbezaan Amalan KPP Berdasarkan Prestasi Sekolah	89
4.4.2	Hubungan Amalan KPP Dengan Efikasi Kendiri Guru	92
4.5	Analisis Regresi	95
4.6	Kesimpulan	96



<b>5</b>	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	97
5.2	Rumusan Kajian	97
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	99
5.3.1	Tahap Amalan KPP	99
5.3.2	Amalan KPP Berdasarkan Tahap Prestasi Sekolah	105
5.3.3	Tahap Efikasi Kendiri Guru	107
5.3.4	Perkaitan Antara KPP Dengan Tahap Efikasi Kendiri Guru	108
5.4	Implikasi Kajian	109
5.5	Cadangan Kajian	110
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	111
5.7	Kesimpulan	112
	<b>RUJUKAN</b>	114
	<b>LAMPIRAN</b>	

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 2.1	Dimensi dan Atribut Kritikal KPP	18
Jadual 3.1	Skala Likert Lima Mata	42
Jadual 3.2	Perincian Item Tahap Amalan KPP Mengikut Dimensi	42
Jadual 3.3	Perincian Item Efikasi Guru Mengikut Dimensi	43
Jadual 3.4	Pekali Saiz Cronbach's Alpha (Peraturan Umum)	46
Jadual 3.5	Analisis Data Berdasarkan Objektif Kajian	47
Jadual 3.6	Pengkelasan Tahap Amalan KPP	48
Jadual 3.7	Pengkelasan Kekuatan Hubungan Dalam Kaedah Korelasi	49
Jadual 4.1	Bilangan Soal Selidik Yang Diagihkan	51
Jadual 4.2	Taburan Responden Berdasarkan Jantina	52
Jadual 4.3	Taburan Responden Berdasarkan Kelulusan Akademik	53

Jadual 4.4	Taburan Responden Berdasarkan Pengalaman Mengajar	54
Jadual 4.5	Taburan Responden Berdasarkan Pengetahuan KPP	55
Jadual 4.6	Taburan Responden Berdasarkan Sumber Pengetahuan KPP	55
Jadual 4.7	Nilai Skor Min dan Tahap Dimensi KPP	57
Jadual 4.8	Analisis Pernyataan Item Dimensi Kepimpinan Berkongsi dan Menyokong bagi Sekolah Prestasi Tinggi	59
Jadual 4.9	Analisis Pernyataan Item Dimensi Kepimpinan Berkongsi dan Menyokong bagi Sekolah Prestasi Sederhana	60
Jadual 4.10	Analisis Pernyataan Item Dimensi Kepimpinan Berkongsi dan Menyokong bagi Sekolah Prestasi Rendah	61
Jadual 4.11	Analisis Pernyataan Item Dimensi Perkongsian Nilai, Matlamat, Misi dan Visi bagi Sekolah Prestasi Tinggi	63
Jadual 4.12	Analisis Pernyataan Item Dimensi Perkongsian Nilai, Matlamat, Misi dan Visi bagi Sekolah Prestasi Sederhana	64
Jadual 4.13	Analisis Pernyataan Item Dimensi Perkongsian Nilai, Matlamat, Misi dan Visi bagi Sekolah Prestasi Rendah	65
Jadual 4.14	Analisis Pernyataan Item Dimensi Pembelajaran Kolektif dan Pengaplikasian bagi Sekolah Prestasi Tinggi	67

Jadual 4.15	Analisis Pernyataan Item Dimensi Pembelajaran Kolektif dan Pengaplikasian bagi Sekolah Prestasi Sederhana	68
Jadual 4.16	Analisis Pernyataan Item Dimensi Pembelajaran Kolektif dan Pengaplikasian bagi Sekolah Prestasi Rendah	69
Jadual 4.17	Analisis Pernyataan Item Dimensi Perkongsian Amalan Personal bagi Sekolah Prestasi Tinggi	71
Jadual 4.18	Analisis Pernyataan Item Dimensi Perkongsian Amalan Personal bagi Sekolah Prestasi Sederhana	72
Jadual 4.19	Analisis Pernyataan Item Dimensi Perkongsian Amalan Personal bagi Sekolah Prestasi Rendah	73
Jadual 4.20	Analisis Pernyataan Item Dimensi Sokongan Persekitaran bagi Sekolah Prestasi Tinggi	76
Jadual 4.21	Analisis Pernyataan Item Dimensi Sokongan Persekitaran bagi Sekolah Prestasi Sederhana	78
Jadual 4.22	Analisis Pernyataan Item Dimensi Sokongan Persekitaran bagi Sekolah Prestasi Rendah	80
Jadual 4.23	Nilai Skor Min dan Tahap Efikasi Kendiri Guru	82
Jadual 4.24	Analisis Pernyataan Item Efikasi Guru Terhadap Penglibatan Pelajar bagi Sekolah Prestasi Tinggi	83
Jadual 4.25	Analisis Pernyataan Item Efikasi Guru Terhadap Penglibatan Pelajar bagi Sekolah Prestasi Sederhana	83

Jadual 4.26	Analisis Pernyataan Item Efikasi Guru Terhadap Penglibatan Pelajar bagi Sekolah Prestasi Rendah	84
Jadual 4.27	Analisis Pernyataan Item Efikasi Guru Terhadap Strategi Pengajaran bagi Sekolah Prestasi Tinggi	85
Jadual 4.28	Analisis Pernyataan Item Efikasi Guru Terhadap Strategi Pengajaran bagi Sekolah Prestasi Sederhana	85
Jadual 4.29	Analisis Pernyataan Item Efikasi Guru Terhadap Strategi Pengajaran bagi Sekolah Prestasi Rendah	86
Jadual 4.30	Analisis Pernyataan Item Efikasi Guru Terhadap Pengurusan Kelas bagi Sekolah Prestasi Tinggi	87
Jadual 4.31	Analisis Pernyataan Item Efikasi Guru Terhadap Pengurusan Kelas bagi Sekolah Prestasi Sederhana	87
Jadual 4.32	Analisis Pernyataan Item Efikasi Guru Terhadap Pengurusan Kelas bagi Sekolah Prestasi Rendah	88
Jadual 4.33	Ujian ANOVA Sehal Perbezaan Antara Dimensi Kepimpinan Berkongsi dan Menyokong Berdasarkan Prestasi Sekolah	89
Jadual 4.34	Keputusan Ujian Tukey HSD Menentukan Perbezaan Dimensi Kepimpinan Berkongsi dan Menyokong Berdasarkan Prestasi Sekolah	90
Jadual 4.35	Ujian ANOVA Sehal Perbezaan Antara Dimensi Perkongsi Nilai, Matlamat, Visi dan Misi Berdasarkan Prestasi Sekolah	90
Jadual 4.36	Ujian ANOVA Sehal Perbezaan Antara Dimensi Pembelajaran Kolektif dan Pengaplikasian Berdasarkan Prestasi Sekolah	91

Jadual 4.37	Ujian ANOVA Sehal Perbezaan Antara Dimensi Perkongsian Amalan Personal Berdasarkan Prestasi Sekolah	91
Jadual 4.38	Ujian ANOVA Sehal Perbezaan Antara Dimensi Perkongsian Amalan Personal Berdasarkan Prestasi Sekolah	92
Jadual 4.39	Analisis Korelasi Antara Dimensi KPP Dengan Efikasi Kendiri Guru	93
Jadual 4.40	Analisis Regresi Antara Dimensi KPP dan Dimensi Efikasi Kendiri Guru	95

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 1.1	Kerangka Konseptual Kajian	14
Rajah 2.1	Model Efikasi Kendiri Guru	29
Rajah 3.1	Prosedur Persampelan Kelompok Rawak	40

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>NO. LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>
LAMPIRAN A	Borang Soal Selidik
LAMPIRAN B	Data Statistik PASW



## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Perubahan dan pembaharuan di dalam bidang pendidikan negara berlaku begitu pesat sejak beberapa dekad yang lalu telah memberikan impak yang besar terhadap keseluruhan perancangan, pembangunan, dan prestasi melibatkan semua peringkat dan tahap pendidikan sama ada pendidikan rendah, menengah atau pun pendidikan tinggi. Isu-isu pendidikan tidak jemu-jemu dan tidak putus-putus diperkatakan dan dibahaskan oleh semua lapisan masyarakat. Ini menggambarkan bahawa pendidikan adalah satu aspek yang amat penting dalam pembinaan satu negara bangsa yang bersatu, bersetia, beretika dan beragama, berkeupayaan dan berketrampilan memainkan peranan aktif dan produktif dalam masyarakat antarabangsa.

Sekolah merupakan sebuah organisasi yang memerlukan kepada perubahan dan pembangunan yang berterusan bagi meningkatkan mutu pendidikan dan pencapaian pelajar seterusnya membentuk sebuah sekolah yang berkesan. Pembangunan organisasi adalah satu proses mengubahsuai organisasi mengikut perubahan dunia agar organisasi terus relevan dan ianya boleh berlaku ke atas sumber manusia yang ada, struktur dan juga strategik (Mohamad Najib, 2010).

Perkembangan profesionalisme keguruan harus menjadi keutamaan dalam perancangan kerjaya setiap guru. Cabaran-cabaran yang dihadapi guru masa kini dan masa depan semakin meningkat. Isu yang dihadapi bukan sahaja sekadar masalah murid dan peralatan tetapi lebih jauh daripada itu termasuk cabaran terhadap kemampuan ilmiah guru menghadapi masyarakat berasaskan ilmu serta jati diri dalam mengharungi isu-isu nilai yang lebih global. Guru yang sentiasa bersedia untuk terus memajukan diri dapat mempertahankan kredibiliti mereka dan meningkatkan tahap profesionalisme mereka. Bagi mencapai hasrat ini, guru dan pihak sekolah haruslah sentiasa bekerjasama dan tidak terpisah dari aliran pendidikan guru. Permuafakatan dan perkongsian bijak antara sekolah, guru seharusnya berterusan bagi menjamin kejayaan sekolah. Mengikut Hord (1997), profesional yang terdiri daripada pentadbir dan guru-guru secara berterusan harus belajar bersama atau secara kolaboratif demi pembangunan diri dan peningkatan pencapaian pelajar.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengenal pasti lima strategi pembangunan pendidikan bagi memastikan perkembangan profesionalisme berlaku secara berterusan di sekolah iaitu sentiasa menambah baik sekolah secara berterusan, menjalankan kajian tindakan secara berterusan, mengurus sekolah dengan cekap dan produktif, membangunkan kapasiti manusia dalam kalangan komuniti sekolah dan membangunkan sekolah sebagai organisasi pembelajaran. Strategi ini merupakan strategi jangka panjang bagi memperkemaskan pelaksanaan program-program pendidikan yang telah dirancang oleh warga sekolah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006).

Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) merupakan satu alat pembangunan profesional yang menepati kesemua strategi pembangunan pendidikan yang ditekankan oleh KPM. KPP merupakan satu kerangka konsep yang melihat kepada anjakan perubahan di sekolah yang mementingkan budaya kerjasama. Sekolah yang mempunyai ciri KPP adalah sekolah yang menggalakkan dan mewujudkan nilai-nilai pembelajaran secara kolaboratif dan mementingkan perbincangan yang terbuka dan dinamik dalam kalangan warganya, sama ada guru, murid, pengetua atau guru besar, ibu bapa dan komuniti sekolah yang bertujuan untuk melihat keberkesanan sekolah dalam meningkatkan pembelajaran murid di

sekolah (Mohd Yusof, 2011). Pengekalan budaya KPP ini akan mampu mengembangkan amalan dan budaya belajar yang menjadi rutin kepada semua pendidik dalam konteks peningkatan profesionalisme keguruan.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Perubahan pesat dalam sistem pendidikan memerlukan pendidik yang proaktif, progresif, kreatif dan inovatif agar dapat membangunkan modal insan yang bakal menerajui negara pada masa hadapan. Oleh itu, sekolah sebagai sebuah komuniti yang mengutamakan pembelajaran perlu menyusun pelbagai strategi bagi menggalakkan semua warga sekolah termasuk guru untuk belajar dan terus belajar kerana pendidikan adalah dinamik. Menurut Ibrahim (1995), guru merupakan profesion yang sering mengalami reformasi maka tanggungjawab guru menjadi lebih mencabar. Sehubungan itu, guru sebagai pendidik perlu menambah ilmu, sedia mengakses maklumat terkini dan mempelbagaikan kemahiran agar dapat membentuk generasi yang bakal mengambil alih kepimpinan negara pada masa hadapan melalui proses pembelajaran berterusan.

Sehingga kini, masih ramai guru yang bekerja bersendirian dengan mengasingkan diri dan tidak membuka ruang dari segi penambahbaikan pengajaran guru. Guru-guru berasa sukar untuk berbincang dengan rakan sejawat tentang amalan pengajaran dan pembelajaran mereka, baik dari segi penyediaan bahan, cara penyelesaian dan pembuatan keputusan berkaitan amalan pengajaran (Teo Boon Hwa, 2011). Tahap profesionalisme guru yang tidak berkembang dan hanya bergantung kepada pengetahuan pedagogi yang sedia ada semasa menjalani latihan perguruan untuk mendapat kelayakan mengajar tidak lagi relevan pada masa kini. Sesuai dengan perkembangan ilmu, ledakan maklumat dan teknologi, pengantarabangsaan dan ketidaktentuan ekonomi memberikan tempas kepada guru dan sekolah untuk turut berubah seiring dengan keadaan semasa dan sentiasa 'up to date' kepada ilmu terkini (Norhayati, 2009)

Sebagai manusia, guru-guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang terhad dalam pengajaran dan menyebabkan tidak dapat menjana pembelajaran murid yang menarik dan bermakna di dalam bilik darjah. Untuk itu, Waters (2009) percaya bahawa penambahbaikan pengajaran memerlukan perubahan paradigma dari segi amalan pengajaran semasa guru dan disedari oleh pengetua. Bagi beliau, proses perubahan tidak akan berlaku sekiranya guru sendiri tidak memahami mengapa perlu berubah dan budaya untuk berubah seharusnya dibina oleh kepimpinan sekolah. Bagi Husssein Mahmood (2008), pengetua perlu membawa perubahan dan adaptasi ke dalam sekolah agar lebih mementingkan pembangunan budaya sekolah melalui keberkesanan KPP yang memberi tumpuan kepada pembelajaran guru dan menambah baik pembelajaran murid yang berterusan. Fokus pendidikan di sekolah seharusnya mengutamakan pembelajaran semua murid yang berkesan dan secara sistematik. Semua pendidik harus berpegang kepada keyakinan bahawa pendidikan adalah untuk membangunkan individu, masyarakat dan negara, di samping sebagai asas tamadun bagi sesebuah masyarakat.

Di dalam Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2012-2035, Kementerian Pelajaran berhasrat untuk mewujudkan satu budaya kecemerlangan profesionalisme teladan rakan setugas yang mempunyai ciri-ciri amalan KPP bagi seseorang guru, iaitu guru membimbing satu sama lain, dan saling memberi inspirasi, berkongsi amalan terbaik dan memastikan rakan setugas mengamalkan nilai kebertanggungjawaban untuk memenuhi standard profesional. Dalam membangunkan portfolio ini, Kementerian akan lebih menumpukan kepada program pembelajaran berasaskan sekolah. Kajian antarabangsa menunjukkan bahawa program pembelajaran berasaskan sekolah merupakan bentuk pembangunan profesionalisme yang paling berkesan.

Kementerian berhasrat untuk meningkatkan peratusan aktiviti pembangunan profesionalisme berasaskan sekolah seperti pemerhatian rakan sekerja dan perancangan pengajaran daripada 16 % yang ada pada masa kini. Usaha ini berdasarkan dapatan kajian antarabangsa yang menunjukkan bahawa latihan amali di tempat kerja adalah lebih berkesan daripada program latihan yang dijalankan di luar sekolah. Kumpulan fokus guru Malaysia juga melaporkan bahawa latihan di tempat kerja adalah lebih berguna apabila ketua bidang, pengetua atau guru besar

memerhatikan mereka kerana keadaan ini membolehkan mereka mendapat maklum balas langsung tentang cara menambah baik amalan di bilik darjah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Kecemerlangan sekolah memerlukan perubahan terutama faktor dalaman sekolah yang merangkumi budaya sekolah, amalan dan sikap guru termasuk guru besar serta sokongannya ke arah pencapaian organisasi. Sekiranya sekolah tidak bersedia untuk menghadapi perubahan, bertindak dengan pantas dan efektif maka ia akan terjejas dan ketinggalan (Hanna, 2000). Banyak dapatan kajian telah menunjukkan bahawa sesebuah komuniti yang budayanya menggambarkan budaya pembelajaran berterusan mampu mendominasi abad yang ke-21. Malah, organisasi yang mempunyai tenaga kerja berteraskan pengetahuan serta kemahiran mampu bersaing dan sedia menerima perubahan (Gates et al., 1996).

Organisasi pembelajaran memberi manfaat kepada individu dan organisasi apabila ahli-ahlinya menggunakan dan mengaplikasikan ilmu pengetahuan dalam membuat perubahan dari semasa ke semasa. Oleh yang demikian, penerapan sekolah sebagai organisasi pembelajaran dapat melengkapkan warganya dengan pelbagai ilmu, maklumat terkini dan kemahiran untuk individu dan organisasi bertindak dengan cekap, tepat dan pantas seiring dengan perubahan pendidikan yang dinamik. Ilmu pengetahuan dan kemahiran adalah sangat penting untuk menentukan kelangsungan sesebuah organisasi dan untuk menjadikan ianya lestari, ilmu dan kemahiran tersebut perlulah sentiasa ditambah baik.

Namun begitu, konsep organisasi pembelajaran yang diajukan oleh Senge (1990) merupakan konsep yang diperkenalkan kepada organisasi korporat yang bertujuan supaya setiap organisasi melalui proses belajar yang berterusan bagi menghadapi cabaran sama ada dari luar mahupun dalam organisasi untuk mencapai tujuan bersama iaitu ke arah persaingan dan keuntungan. Cetusan idea ini telah memberi inisiatif kepada Hord (1997) untuk mengemukakan idea baharu yang lebih merujuk kepada pembangunan modal insan iaitu kejayaan guru-guru secara kolaboratif menghasilkan kemenjadian murid dan guru di sekolah masing-masing. Identiti ini lebih bersifat KPP (Hord, 1997), yang lebih tepat penggunaannya dalam dunia pendidikan. Idea ini dapat menyampaikan mesej dan penunjuk arah

yang lebih jelas kepada para pemimpin dan pengamal pendidikan tentang rupa bentuk budaya pembelajaran sepanjang hayat yang berlaku di sekolah. KPP ini merujuk komuniti yang belajar secara berterusan untuk meningkatkan profesionalisme guru-guru di sekolah. KPP merupakan satu inisiatif yang paling jelas dan diterima pakai secara meluas untuk meningkatkan kualiti pengetahuan dan pembelajaran profesional di sekolah (Stoll, 2007).

Banyak manfaat akan diperoleh oleh sesebuah sekolah sekiranya amalan KPP ini menjadi praktis utama. Kebaikan yang akan diterima oleh sekolah merangkumi perkembangan profesionalisme guru, amalan pembelajaran berterusan dan peningkatan pencapaian pelajar (Teo, 2010). Menurut kajian Zuraidah (2009) yang melihat amalan KPP sekolah menengah di seluruh negara, ciri-ciri amalan KPP telah wujud di sekolah kajian, namun penerapan ke atas konsep KPP masih di peringkat permulaan. Norhayati (2009) dan Hariani (2011) mendapati lebih 30% guru di sekolah kajian tidak tahu tentang apa yang dimaksudkan dengan KPP. Ini menunjukkan amalan ini masih belum di tahap matang berbanding di sekolah-sekolah di negara barat seperti Amerika Syarikat yang mana amalan KPP telah menunjukkan keberkesanan dengan menambah baik pembelajaran guru dan berkolaboratif untuk menambah baik pembelajaran pelajar.

Tiada definisi yang umum berkenaan KPP, tetapi terdapat persetujuan bahawa KPP itu wujud apabila dapat melihat sekumpulan guru berkongsi dan memberikan kritikan terhadap amalan mereka secara berterusan, reflektif, bekerjasama, dan berorientasikan pembelajaran (Mitchell dan Sackney 2000; Toole dan Louis 2002). KPP tidak hanya memfokuskan kepada pembelajaran guru secara individu tetapi kepada pembelajaran profesional, di dalam kumpulan yang bersepadu yang memberi fokus kepada pengetahuan secara kolektif dan berlaku dalam amalan mengambil berat yang meresap ke dalam kehidupan, guru, pelajar dan pemimpin sekolah.

Pembentukan dan tahap amalan KPP yang berbeza-beza di sekolah dan juga kurangnya pendedahan terhadap amalan KPP ini di sekolah mendorong pengkaji untuk menyelidik, memahami dan membekalkan maklumat berkaitan KPP di sekolah rendah dari segi tahap amalannya dan melihat hubungannya dengan efikasi sendiri

guru itu sendiri. Untuk itu, kajian ini sangat relevan untuk dijalankan pada masa ini bagi menambah maklumat dan kesedaran semua kepimpinan pendidikan di Malaysia agar dapat membangunkan budaya KPP dalam usaha membantu menambah baik pembelajaran murid dan akhirnya meningkatkan keberkesanan dan penambahbaikan sekolah.

### **1.3    Penyataan Masalah**

Walaupun kajian pendidikan di negara-negara barat telah menumpukan perhatian terhadap amalan KPP sejak sekian lama, amalan KPP bagi sekolah-sekolah di Malaysia masih asing dan baharu. Kajian awal model KPP di Malaysia adalah pada tahun 2006 dengan melihat amalan KPP dalam kalangan warga sekolah menengah di Malaysia. Kajian-kajian mendapati sekolah yang mempunyai KPP telah menunjukkan guru-guru lebih berani untuk melakukan perubahan melalui pelaksanaan program-program penambahbaikan sekolah yang bermatlamatkan peningkatan prestasi pembelajaran murid. Guskey (2000) menyatakan hasil daripada usaha pembangunan profesional membentuk kesan yang signifikan dan segera kepada pengetahuan dan amalan guru. Ini disokong oleh Elmore (2002) yang merumuskan bahawa pembangunan profesional ialah satu set pengetahuan dan aktiviti pembangunan kemahiran yang meningkatkan keupayaan guru dan pentadbir untuk bertindak balas kepada permintaan luaran dan melibatkan diri dengan peningkatan prestasi dan amalan.

Pembangunan profesionalisme yang baik seperti KPP dapat memberi kesan kepada pembelajaran murid. Namun begitu terdapat kajian yang mengatakan bahawa faktor-faktor luaran tidak memberi kesan yang besar terhadap pembelajaran murid sekiranya guru tidak mempunyai efikasi sendiri yang tinggi. Efikasi sendiri guru merujuk kepada keyakinan yang ada di dalam diri untuk boleh melaksanakan sesuatu tugas yang diberikan walaupun pada hakikatnya ianya sukar dilaksanakan. Efikasi guru yang tinggi juga telah terbukti membawa kesan yang baik di dalam kelas pembelajaran murid dan seterusnya memberi kesan positif kepada sekolah. Banyak kajian telah dijalankan yang menjurus kepada faktor yang mempengaruhi

efikasi guru dan beberapa faktor telah dikenalpasti menyumbang kepada efikasi sendiri guru seperti pengalaman mengajar, kesediaan guru, tahap akademik guru, dan peranan yang dimainkan oleh pengetua atau guru besar di sekolah.

Bertitik tolak dari permasalahan ini, kajian ini bertujuan untuk mengembangkan lagi kajian model KPP ini bagi melihat dari sudut yang lebih kecil iaitu tahap amalan KPP dalam kalangan komuniti di sekolah rendah daerah Pasir Gudang dan juga hubungannya dengan efikasi sendiri guru seterusnya mengenal pasti adakah ianya mempunyai kaitan dengan prestasi sekolah. Hasil kajian ini nanti akan memberikan maklumat asas kepada warga pendidikan yang terlibat dalam pembangunan profesional guru bagi mendapatkan idea-idea dan membantu sekolah dalam berhadapan dengan halangan dan cubaan untuk mengamalkannya.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk:

- i. Menenal pasti tahap amalan KPP dalam kalangan komuniti sekolah rendah daerah Pasir Gudang.
- ii. Menenal pasti sama ada sekolah rendah di daerah Pasir Gudang mempunyai dimensi KPP.
- iii. Menenal pasti sama ada terdapat perbezaan amalan KPP berdasarkan prestasi sekolah (diukur menggunakan Gred Purata Sekolah UPSR 2012).
- iv. Menenal pasti hubungan di antara amalan KPP dengan efikasi sendiri guru.



## 1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini akan menjawab beberapa persoalan di bawah :

- i. Apakah tahap amalan KPP dalam kalangan komuniti sekolah rendah daerah Pasir Gudang?
- ii. Adakah sekolah rendah di daerah Pasir Gudang mempunyai dimensi KPP?
- iii. Adakah terdapat perbezaan amalan KPP bagi setiap sekolah berdasarkan prestasi sekolah?
- iv. Apakah terdapat hubungan yang signifikan antara amalan KPP dengan efikasi sendiri guru

## 1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan objektif kajian, 10 hipotesis telah dibentuk:-

- Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara dimensi kepimpinan berkongsi dan menyokong, berdasarkan prestasi sekolah
- Ho2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara dimensi perkongsian nilai, matlamat, misi dan visi berdasarkan prestasi sekolah
- Ho3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara dimensi pembelajaran kolektif dan pengaplikasian berdasarkan prestasi sekolah
- Ho4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara dimensi perkongsian amalan personal berdasarkan prestasi sekolah

- Ho5 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara dimensi sokongan persekitaran berdasarkan prestasi sekolah
- Ho6 Tidak terdapat hubungan linear yang signifikan antara dimensi kepimpinan berkongsi dan menyokong dengan efikasi sendiri guru.
- Ho7 Tidak terdapat hubungan linear yang signifikan antara dimensi perkongsian nilai, matlamat, misi dan visi dengan efikasi sendiri guru.
- Ho8 Tidak terdapat hubungan linear yang signifikan antara dimensi pembelajaran kolektif dan pengaplikasian dengan efikasi sendiri guru.
- Ho9 Tidak terdapat hubungan linear yang signifikan antara dimensi perkongsian amalan personal dengan efikasi sendiri guru.
- Ho10 Tidak terdapat hubungan linear yang signifikan antara dimensi sokongan persekitaran dengan efikasi sendiri guru.

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Guru dan guru besar sebagai pemimpin utama merupakan individu yang memainkan peranan penting dalam membangunkan pendidikan yang cemerlang dan berkualiti. Mereka adalah barisan hadapan yang melaksanakan semua dasar pendidikan. Komitmen yang tinggi dan jitu diperlukan bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Untuk itu diharapkan kajian ini dapat menambahkan pengetahuan kepada guru-guru dan pemimpin di sekolah mengenai pembentukan amalan budaya berk komuniti bagi membantu pembelajaran murid untuk mencapai kecemerlangan dalam prestasi akademik mereka.

Dengan itu, kajian ini akan dapat membantu pihak Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menyediakan program latihan dan pembangunan bagi meningkatkan kapasiti kepimpinan guru besar dalam usaha membentuk budaya komuniti pembelajaran profesional di sekolah agar dapat membantu memastikan pembelajaran yang tulen sejajar dengan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Pembelajaran murid yang berkesan akhirnya meningkatkan pencapaian murid dalam peperiksaan dalaman umumnya dan peperiksaan awam khususnya.

Hasil kajian ini diharapkan akan dapat memberi maklumat tentang hubungan yang signifikan terhadap efikasi sendiri guru yang menjadi tulang belakang kejayaan sekolah. Maklumat yang diperolehi nanti diharapkan akan dapat menjadi rujukan dan garis panduan kepada guru besar untuk memantapkan pembangunan guru di sekolah.

## **1.8 Batasan Kajian**

Kajian ini dijalankan ke atas sembilan buah sekolah kebangsaan di dalam daerah Pasir Gudang yang melibatkan hanya 180 orang guru sahaja. Dapatan kajian ini tidak dapat mewakili amalan KPP di tempat lain. Selain itu maklumat yang didapati terbatas kepada kesediaan responden untuk menjawabsoal selidik dengan tepat dan jujur.

## **1.9 Definisi Terminologi**

Dalam kajian ini, terdapat beberapa konsep dan istilah yang perlu diperjelaskan untuk menerangkan dengan lebih tepat terhadap perkara yang dibincangkan mengikut konteks kajian.

### **1.9.1 Komuniti Pembelajaran Profesional**

KPP merujuk kepada amalan-amalan yang mana sejumlah guru dan pentadbir sekolah akan sentiasa mencari dan berkongsi pembelajaran, serta mengambil tindakan berasaskan pembelajaran yang tujuan utamanya adalah meningkatkan keberkesanan profesionalisme guru untuk faedah pembelajaran murid. Struktur asas kepada KPP adalah membentuk pasukan kolaboratif yang ahlinya saling bergantung antara satu sama lain untuk mencapai matlamat yang sama. Oleh itu guru yang terlibat secara kolaboratif dengan mengamalkan amalan dimensi i) kepimpinan berkongsi dan menyokong ii) perkongsian nilai, matlamat, misi dan visi iii) pembelajaran kolektif dan pengaplikasian iv) perkongsiaan amalan personal dan v) keadaan yang menyokong; di mana matlamat utama adalah untuk membantu meningkatkan kapasti diri guru agar dapat membantu meningkatkan pembelajaran murid di dalam bilik darjah. Dalam kajian ini KPP ialah satu alat yang mempunyai fungsi-fungsi tertentu bagi menggerakkan seluruh warga sekolah bekerja bagi mencapai matlamat meningkatkan pencapaian pembelajaran murid secara berterusan.

### **1.9.2 Sekolah Rendah**

Sekolah rendah adalah sebuah tempat untuk mengajar dan belajar, tempat untuk memberi dan menerima pendidikan formal dari umur tujuh tahun sehingga 12 tahun. Sekolah dianggap sebagai pusat menimba ilmu khusus kepada kanak-kanak, bermula peringkat pra sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan seterusnya ke peringkat yang lebih tinggi. Dalam kajian ini, sekolah rendah merujuk kepada sekolah kebangsaan dalam daerah Pasir Gudang iaitu sekolah-sekolah yang telah menjalankan kajian ini.

### **1.9.3 Efikasi Kendiri Guru**

Bandura (1986) menyatakan efikasi mempengaruhi prestasi dengan meningkatkan usaha dan kecekalan. Perasaan efikasi yang tinggi akan memberi impak kepada permulaan pergerakan tingkah laku, usaha yang tinggi dan ketahanan diri dalam menghadapi halangan (Bandura 1997). Pandangan ini disokong oleh Gist dan Mitchell (1992) yang menyatakan efikasi diri merupakan hasil daripada proses

pertimbangan, integrasi dan penilaian maklumat mengenai kebolehan seseorang individu. Ini membolehkan individu membuat keputusan atau pilihan ke atas usaha yang akan digunakan dalam melaksanakan tugas yang diberikan.

Efikasi boleh ditakrifkan sebagai kepercayaan atau keyakinan tinggi seseorang di mana beliau mampu mencapai sesuatu maksud atau melakukan sesuatu tugas yang diberikan dengan cemerlang dan berkesan dengan kemahiran sedia ada. Dalam kajian ini, efikasi sendiri guru merujuk kepada kepercayaan di dalam diri guru bahawa dirinya mampu melaksanakan sesuatu tugas yang diberikan oleh pihak sekolah .


#### **1.10 Kerangka Teori Kajian**

Dalam kajian ini, model KPP yang diperkenalkan oleh Hord (1997) dipilih kerana ianya mempunyai lima dimensi yang penting dalam menentukan pencapaian murid-murid di sekolah dan secara langsung meningkatkan kecemerlangan sekolah. Lima dimensi yang dimaksudkan adalah dimensi kepemimpinan berkongsi dan menyokong, dimensi perkongsian nilai, matlamat, visi dan misi, dimensi pembelajaran secara kolektif dan pengaplikasian, dimensi perkongsian amalan personal dan dimensi sokongan persekitaran.

Kajian ini akan melihat sejauh manakah kelima-lima dimensi KPP ini akan dapat menentukan efikasi sendiri guru iaitu keupayaan guru untuk melaksanakan sesuatu tugas di sekolah berdasarkan penglibatan pelajar, pengurusan kelas dan strategi pengajaran. Sejak dua dekad yang lalu, penyelidik telah mengenal pasti hubungan yang kuat antara efikasi sendiri guru-guru dan tingkah laku guru-guru yang menyumbang dan menggalakkan pencapaian murid (Woolfolk & Hoy, 1993).

### 1.10.1 Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang telah dibina bagi melihat hubungan amalan KPP di sekolah dengan efikasi sendiri guru yang memberi impak kepada pencapaian murid.



**Rajah 1.1 :** Kerangka Konseptual Kajian Amalan KPP dan Hubungan Dengan Efikasi Kendiri Guru

### **1.11 Kesimpulan**

Selain dari faktor pribadi dalam diri murid yang mempengaruhi kecemerlangan mereka di sekolah, faktor guru memainkan peranan yang sangat penting. Keupayaan guru dalam menyampaikan pengajaran yang berkesan di dalam kelas memberi impak secara langsung kepada kecemerlangan murid. Namun begitu untuk memastikan setiap guru mempunyai efikasi sendiri yang tinggi, penglibatan komuniti sekolah yang terdiri daripada guru besar dan rakan guru perlu memainkan peranan mereka untuk menjadi sebuah komuniti pembelajaran yang disebut sebagai Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP).

## RUJUKAN

- Allinder, R. M. (1995). An Examination of the Relationship Between Teacher Efficacy and Curriculum-Based Measurement and Student Achievement. *Remedial and Special Education*, 16, 247-254.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Bandura, A. (1997). Self-efficacy. Toward s Unifying Theory of Behavioral Change. *Psychological Review*, 84, 191-215.
- Bolam, R., Mc Mahon, A., Stoll, L., Thomas, S., & Wallace, M. (2005). *Creating and Sustaining Effective Professional Learning Communities*. London: DfES
- Bullough, J. R., & Baugh, S. C. (2008). Building Professional Learning Communities Within a University-Public School Partnership. *Theory Into Practice* , 47, 286-293.
- Coladarci, T. (1992). Teacher's Sense of Efficacy and Commitment to Teaching. *Journal of Experimental Education*, 60 (4), 323-337.
- Creswell, J. W. (2008). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research (3<sup>rd</sup> Edition)*. UpperSaddle River: Peason Merill Prentice Hall.
- Chua, Y.P (2006). *Asas Statistik Penyelidikan*. Shah Alam : Mc Graw Hill
- Doolittle, G., Sudeck, M., & Rattigan, P. (2008). Creating Professional Learning Communities: The Work of Professional Development Schools. *Theory Into Practice* , 47, 303-310.
- DuFour R. and Eaker R (1998) *Professional Learning Communities at Work: Best Practices for Enhancing Student Achievement*. Bloomington: Indiana University Press.



- DuFour, R. (2004). Schools as Learning Communities. *Educational Leadership* , 6-11.
- DuFour, R. (2005). What is a Professional Learning Community? *The Power of Professional Learning Communities*, 31-43.
- DuFour, R. (2006). *Whatever it takes: How Professional Learning Communities Respond When Kids Don't Learn*. Bloomington, IN: Solution Tree
- Eaker, R., DuFour, R., & DuFour, R., (2002). Getting Started: Reculting Schools to become Professional Learning Communities. Bloomington, IN: Solution Tree
- Fullan, M.G. (1991b). *The New Meaning of Educational Change (2<sup>nd</sup> edition)*. London: Cassell Educational Limited.
- Gibson, S. & Dembo, M.H. (1984). Teacher efficacy: A Construct Validation. *Journal of educational Psychology*, 76(4), 569-582.
- Guskey, T. (2000). Practical Guidelines for Evaluating Professional Development. *Evaluating Professional Development* (pp. 67-93). Corwin Press
- Guskey, T. (2003). What makes professional development effective? *Phi Delta Kappan*, 84(10), 748-750.
- Hair, J.F, Anderson, R.E., Tatham, R.L., & Black, W.C. (1998). *Multivariate Data Analysis With Reading*. New York: Mcmillan.
- Hariani Mohd Hamdan (2011). *Sokongan Guru Besar Dalam Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional di Sekolah Rendah Daerah Hulu Selangor*, Tesis Sarjana. Institut Pengajian Kependidikan Univeriti Malaya,
- Hashim Fauzy & Ishak Md Shah (2007). *Efikasi Diri dan Pencapaian Akademik: Kajian ke atas pelajar Institusi Pengajaran Tinggi Awam*. Simposium Pengajaran dan Pembelajaran UTM 2007, 11-19.
- Hefner, J. F. (2011). *A Case Study of Professional Learning Community: An Investigation of Sustainability Within A Rural Elementary School*. Doctoral Dissertation. Appalachian State University.
- Hipp , K. K. & Huffman, J. B. (2002) Documenting and examining practices in creating learning communities. Exemplars and non-exemplars. Kertas pembentangan di dalam mesyuarat tahunan American Educational Research Association. New Orleans, April, 1-5.
- Hipp, K. K. & Huffman, J. B. (2002b). *Professional Learning Communities: Assessment-Development-Effects*. Kertas pembentangan di International Congress for School Effectiveness and Improvement: Sydney.

- Hord, S.M. (1997). *Professional Learning Communities: Communities of Continuous Inquiry and Improvement..* Southwest Educational Development Laboratory : Texas.
- Hord, S.M. (1997b). Professional Learning Communities: What are they and why are they important? *Issues....about Change*, 6 (1).
- Husssein Mahmood (2008). *Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah* (Edisi kedua). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kaminski, S.A. (2011) *Implementing A Professional Learning Community: A Case Study*. Doctorate of Education Thesis. Northeastern University.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006–2010*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Lay Yoon Fah & Khoo Chwee Hoon (2009). *Pengenalan Kepada Analisis Data Komputer dengan SPSS 16.0 for windows*. Selangor: Venton
- Lewandowski, K. H. (2005). *A Study of The Relationship of Teacher's Self-efficacy and the Impact of Leadership and Professional Development*. Doctoral Dissertation, University of Indiana, Pennsylvania.
- Mitchell, C. & Sackney, L.(2000) Building Capacity for a Learning Community, *Canadian Journal of Educational Administration and Policy*, 19.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2010). *Pembangunan Organisasi Pendidikan*. Skudai: Penerbit UTM Press.
- Newmann , F.M. (2002) *Achieving high-level outcomes for all students; The meaning of staff-shared understanding and commitment*. Dalam Hawley W.D dan Rollie D.L (Editors). The keys to effective school. Educational reforms as continuous improvement (hlm 28-42). Thousand Oaks. Corwin Press Inc.
- Nurahimah Mohd Yusoff & Rafisah Osman (2010). Hubungan Kualiti Penyeliaan dan Pembelajaran di Bilik Darjah Dengan Efikasi Guru. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 25, 53-71.
- Odden, A. (2000a) New and Better Forms of Teacher Compensation Are Possible, *Phi Delta Kappan*, 81 (5), 361-66.
- Norhayati Ab Wahab (2009). *Amalan-amalan Komuniti Pembelajaran Profesional di Sebuah Sekolah di Daerah Sepang*, Tesis Sarjana. Institut Pengajian Keperguruan Univeriti Malaya.
- Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Nordin Abd Razak (2010). Hubungan Guru-Pelajar dan Kaitannya dengan Komitmen Belajar Pelajar: Adakah Guru Berkualiti

- Menghasilkan Perbezaan Pembelajaran antara Jantina Pelajar? *Jurnal Pendidikan Malaysia* , 35(2), 61-69.
- Sergiovanni , T.J. (2001) *The Principalsip; A reflective practise persepective*. Needham Hight: Allyn & Bacon.
- Shafinaz A Maulod (2009).*Kepimpinan Pengetua dan Hubungannya dengan Efikasi Kendiri Guru di Daerah Jempol, Negeri Sembilan* . Tesis Sarjana. Institut Pengajian Kepengetuaan Univeriti Malay.
- Shui-fong, L., Pui-shan, Y., & Tom Wing-hong, L. (2012). Transforming School Culture: Can True Collaboration be Initiated. *Educational Reasearch*, 44(2) , 181-195.
- Sigurdardottir, A. K. (2010). Professional Learning Communities in Relation to Sschool Effectiveness. *Scandinavian Journal of Educational Reaserach* , 54 (5) 395-412.
- Sujirah Ibrahim (2011), *Sokongan Pengetua Dalam Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional Sebuah Sekolah di Daerah Ledang, Johor*. Tesis Sarjana. Institut Pengajian Kepengetuaan Univeriti Malaya.
- Stoll, L., Bolam, R., McMahon,A., Wallace, M. &Thomas, S (2006). Professional Learning Communities: A riview of Literature. *Journal of Educational Change*. 7: 221-25814-27.
- Stegall, D. A. (2011) *Professional Learning Communities and Teacher Efficacy: A Correlational Study*. Doctor of Education Dissertation. Appalchian State University.
- Teo Boon Hwa (2010). *Kepimpinan Transformasional Pengetuan dan Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional di Sebuah Sekolah di Selangor*. Tesis Sarjana. Institut Pengajian Kepengetuaan Univeriti Malaya.
- Tschannen-Moran, M., Hoy, A.W.& Hoy, W.K. (1998). Teacher Efficacy: Its Meaning and Measure. *Review of Educational Research*, 68(2), 202-248.
- Tschannen-Moran, M. & Hoy, A. W. (2001). Teacher efficacy as an Obstacle to Educational Reform. *Journal of Research and Development in Education*. 17.
- Webb, R., Vulliamy, G., Sarja, A., Hamalanen, S., & Poikonen, P. L. (2009). Profesional Learning Communities and Teacher Well Being?A Comparative Analysis of Primary School in England and Finland. *Oxford Review of Education* , 35 (3), 405-422.

- Wood, D. R. (2008). Professional Learning Communities: Teachers, Knowledge, and Knowing. *Theory Into Practice* , 46(4), 281-290.
- Zahizan Hasrin (2011). *Kepimpinan Menyokong dan Berkongsi Pengetua Dalam Mewujudkan Komuniti Pembelajaran Profesional Melalui Kajian Tindakan*. Tesis Sarjana. Institut Pengajian Kependidikan Universiti Malaya.
- Zubaidah Salamat (2011), *Kepimpinan Pengajaran Pengetua dan Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional di Sebuah Sekolah di Putrajaya*, Tesis Sarjana. Institut Pengajian Kependidikan Universiti Malaya.
- Zuraidah Abdullah, (2009b), *Profil Komuniti Pembelajaran Profesional di Sekolah Menengah*, Kertas dibentangkan di Seminar Kependidikan Kebangsaan Kali ke VI pada 9-12 Mac 2009 bertempat di Institut Pengajian Kependidikan, Universiti Malaya.